



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



SURAT PEKELILING JPS Bil 7/2015

(Pembatalan SP JPS Bil 1/2011)

TATACARA PERBELANJAAN DARURAT MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PERSEKUTUAN

1.0 TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk menyeragamkan Tatacara Perbelanjaan Darurat Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia yang menggunakan peruntukan Persekutuan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 55.

2.0 LATAR BELAKANG

Arahan Perbendaharaan 55 memberi kelonggaran kepada seseorang pegawai awam membuat perbelanjaan darurat yang menyimpang daripada tatacara perolehan kerajaan yang biasa bagi beberapa situasi tertentu. Memandangkan peruntukan dalam AP 55 ini tidak menghuraikan secara terperinci langkah-langkah yang patut diambil sebelum perbelanjaan darurat boleh dibuat, maka satu tatacara perbelanjaan darurat perlulah dikeluarkan oleh jabatan bagi menyeragamkan proses yang perlu dibuat oleh pegawai jabatan bila mana sesuatu keadaan darurat berlaku di kawasan seliaan pegawai tersebut.

3.0 TAFSIRAN PERBELANJAAN DARURAT

Perbelanjaan darurat boleh ditafsirkan sebagai perbelanjaan segera yang perlu dilakukan dalam sesuatu keadaan yang luar biasa iaitu:

- (i) tidak ada peruntukan bagi perbelanjaan tersebut; dan
- (ii) masa tidak mengizinkan bagi mendapat kebenaran mengikut cara biasa; dan
- (iii) melibatkan kepentingan awam seperti kejadian tanah runtuh, banjir kilat, runtahan cerun dan sebagainya yang berlaku di tempat-tempat awam dan berkemungkinan akan melibatkan kehilangan nyawa.

Seseorang pegawai awam boleh atas tanggungjawabnya sendiri melakukan perbelanjaan darurat ini.

4.0 PENUBUHAN JAWATANKUASA MELULUSKAN KERJA KECEMASAN

Bagi tujuan memastikan sesuatu kerja itu benar-benar boleh dilaksanakan melalui perbelanjaan darurat AP 55, pihak Jabatan telah menubuhkan Jawatankuasa Meluluskan Kerja Kecemasan (JKK) JPS.

Keanggotaan Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:-

Bil	Keanggotaan	Peranan
1.	Ketua Pengarah JPS Malaysia	Pengerusi
2.	Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes)	Ahli / Pengerusi Ganti
3.	Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar).	Ahli / Pengerusi Ganti
4.	Pengarah / Timbalan Pengarah Bahagian Rekabentuk dan Empangan (BRE)	Ahli
5.	Pengarah Bahagian yang berkenaan atau Pengarah Bahagian lain jika Pengarah Bahagian berkenaan tiada	Ahli
6.	Bahagian Korporat (BKOR)	Urusetia

5.0 TATACARA PELAKSANAAN

Apabila berlaku sesuatu kejadian kecemasan dalam sesuatu daerah / jajahan, langkah-langkah berikut hendaklah dilaksanakan :-

- 5.1 Jurutera Daerah (JD) hendaklah menghubungi Pengarah Negeri (PPSN) dengan serta merta dan memaklumkan kejadian tersebut beserta dengan maklumat terperinci seperti lokasi kejadian, kemudaratan yang mungkin atau telah terjadi, gambar atau video tempat kejadian tersebut dan sebagainya. JD juga perlulah menyediakan cadangan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi bencana tersebut.
- 5.2 Sebaik sahaja dimaklumkan tentang situasi kecemasan tersebut, PPSN hendaklah menghubungi Ketua Pengarah JPS dan Pengarah BKOR.
- 5.3 Pengarah BKOR akan bertindak sebagai Urusetia Jawatankuasa Meluluskan Kerja Kecemasan dan akan memanggil Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa untuk bersidang dengan secepat mungkin. Korum minima yang diperlukan untuk JKK ini bersidang adalah seorang Pengerusi dan dua (2) orang Ahli.
- 5.4 PPSN dan/atau JD perlu hadir ke mesyuarat JKK ini bagi menerangkan situasi kecemasan yang sedang berlaku dan memberikan cadangan tindakan yang perlu diambil.
- 5.5 JKK akan membuat keputusan segera sama ada situasi kecemasan tersebut perlu ditangani melalui perbelanjaan darurat AP 55 atau tidak.
- 5.6 Kesemua proses 5.1 hingga 5.5 di atas hendaklah dilaksanakan dalam masa 24 jam bagi mengelakkan kemudaratan yang lebih besar berlaku.

- 5.7 PPSN/JD hendaklah melantik seorang kontraktor yang diketahui mempunyai rekod kerja yang cemerlang dan kedudukan kewangan yang baik bagi melaksanakan kerja-kerja kecemasan tersebut. Kerja-kerja di tapak hendaklah dimulakan dengan serta-merta sebaik sahaja lantikan dibuat.
- 5.8 Rundingan harga dengan kontraktor yang dilantik hendaklah dijalankan dengan segera bagi mendapatkan harga yang paling menguntungkan Kerajaan. Rundingan ini hendaklah dimuktamadkan dalam tempoh satu (1) minggu selepas kerja dimulakan atau dalam tempoh tiga (3) hari setelah kerja siap, yang mana lebih awal.
- 5.9 Satu laporan bertulis yang menghuraikan sebab-sebab kerja-kerja ini tidak boleh dilaksanakan melalui prosedur perolehan yang biasa hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah JPS Malaysia melalui urusetia JKK di BKOR dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh kelulusan JKK diperolehi. Pihak Urusetia bertanggungjawab untuk memanjangkan laporan tersebut kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan melalui Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.
- 5.10 Dokumen kontrak yang formal di antara Kerajaan dan Kontraktor hendaklah dibuat sebagaimana perolehan yang dibuat secara biasa.
- 5.11 Pelarasan terhadap Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) yang ditanggungkan kepada PPSN/JD akan diselaraskan setelah kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan diperolehi.
- 5.12 Carta Aliran Tatacara Perolehan Darurat adalah seperti di **Lampiran A**.

6.0 PENGUATKUASAAN DAN PEMBATALAN

- 6.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan dan hanya terpakai bagi perbelanjaan darurat yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan sahaja.
- 6.2 Dengan penguatkuasaan surat pekeliling ini, Surat Pekeliling JPS Bil 1/2011 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih .

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' Ir. ZAINOR RAHIM BIN IBRAHIM)

Ketua Pengarah,

Jabatan Pengairan Dan Saliran,

Malaysia.

Tarikh : **12** Oktober 2015

TATACARA PEROLEHAN DARURAT AP 55

